



**PERATURAN SUKAN BOLA JARING  
SEMPENA SEMINAR KECERGASAN KALI KE-12 TAHUN 2024**

**1. AM**

Peraturan-peraturan di dalam pertandingan ini akan dijalankan mengikut **Undang-Undang Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (International Federal of Netball – IFNA)** dan Peraturan dan Syarat-Syarat Pertandingan Seminar Kecergasan Jabatan Pertanian Sabah Tahun 2023.

**2. SISTEM PERTANDINGAN**

- 2.1 Masa permainan adalah 25 minit. (10 minit setiap suku masa, dan rehat 5 minit).
- 2.2 Setiap pasukan yang akan bermain, dikehendaki berada di gelanggang permainan 10 minit awal sebelum permainan dimulakan.
- 2.3 Pertandingan dijalankan secara kalah mati.

**3. KELAYAKAN PEMAIN**

- 3.1 Kelayakan pemain adalah terbuka.

**4. PEMAIN**

- 4.1 Setiap pasukan dikehendaki mendaftarkan 10 orang (maksima) / 7 orang (minimum) pemain.

## **5. PERLAWANAN**

- 5.1 Borang pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada Urusetia selewatnya 10 minit sebelum masa perlawanan dimulakan.
- 5.2 Setiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) orang pemain sebelum satu-satu permainan dimulakan. Sekiranya kurang dari 5 semasa tempoh yang dibenarkan, pasukan tersebut dikira kalah dengan mata 0-15.
- 5.3 Bila seseorang pemain mengalami kecederaan dan tidak dapat menyambung permainan, permainan boleh dihentikan selama dua (2) minit untuk menentukan samada pemain itu boleh meneruskan bermain atau tidak. Keputusan hendaklah dibuat oleh Pengurus pasukan dalam tempoh dua (2) minit tersebut.
- 5.4 Jika seri, maka peraturan nombor 3.5 dalam Buku Peraturan dan Syarat Pertandingan akan digunapakai.

## **6. PERTUKARAN PEMAIN**

- 6.1 Tidak ada had pertukaran pemain semasa perlawanan berlangsung. Seorang pemain yang telah diganti boleh masuk semula ke gelanggang sebagai pengganti kepada pemain lain.
- 6.2 Setiap pertukaran hendaklah berlaku dalam tempoh masa 30 saat dengan memaklumkan kepada *umpire* perlawanan. Sekiranya tidak mematuhi masa pertukaran pemain, pasukan tersebut boleh dikenakan penalti.
- 6.3 Pertukaran tidak dibenarkan bagi menggantikan pemain yang digantung permainan semasa perlawanan tersebut.
- 6.4 Syarat pertukaran hendaklah mematuhi;
  - 6.4.1 Pemain yang meninggalkan gelanggang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zon penggantian.
  - 6.4.2 Pemain boleh bertukar tempat dengan mana-mana pemain dengan syarat kebenaran dari salah seorang pengadil hendaklah diminta terlebih dahulu.

**7. PAKAIAN**

- 7.1 Pemain dikehendaki memakai baju/ jersi yang berlengan (pendek/ panjang). Baju tidak berlengan adalah tidak dibenarkan.
- 7.2 Pemain dikehendaki memakai seluar panjang/ tight panjang. Seluar pendek di atas paras lutut/ pakaian yang menjolok mata adalah tidak dibenarkan.
- 7.3 Setiap pasukan dikehendaki menyediakan 'bibs' pasukan masing-masing.

**8. PENGADIL**

- 8.1 Jawatankuasa Sukan Bola Jaring menyediakan pengadil bertauliah sepanjang pertandingan yang mempunyai sijil dari Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM).
- 8.2 Semua keputusan Pengadil adalah muktamad

**9. BANTAHAN**

- 9.1 Sebarang bantahan hendaklah memenuhi syarat dan merujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan dalam tempoh 30 minit selesai masa perlawanan penuh.